



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT PERIKANAN NEGERI PAHANG

JABATAN PERIKANAN PAHANG KESAN DAN AMBIL TINDAKAN TERHADAP KES KACAU GANGGU PENYU DI CHERATING

KUANTAN, 29 Julai 2025 – Jabatan Perikanan Negeri Pahang memandang serius insiden kacau ganggu terhadap seekor penyu agar yang berlaku di Pantai Pendaratan Penyu Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Cherating pada 27 Julai 2025 lalu.

Dalam kejadian yang dilaporkan berlaku sekitar jam 6.45 pagi itu, seekor penyu yang sedang naik ke pantai dipercayai untuk bertelur telah diperlakukan dengan kejam oleh tiga (3) individu tidak dikenali. Jabatan telah menjalankan siasatan awal di lokasi dan membuat laporan polis di Balai Polis Cherating. Usaha pengesanan dan tindakan susulan sedang dijalankan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengarah Perikanan Negeri Pahang, Encik Roslan bin Abu Hasan, menyatakan kekesalan mendalam terhadap tindakan tidak bertanggungjawab tersebut:

"Kami amat kesal dengan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan ini. Penyu adalah spesies yang dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985 dan kejadian seperti ini mencerminkan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan memelihara spesies marin yang semakin terancam," ujar beliau.

Tambah beliau, mana-mana individu yang didapati mengganggu, menangkap, atau memusnahkan habitat penyu boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada RM500 dan tidak melebihi RM20,000.

Jabatan Perikanan Negeri Pahang juga ingin menegaskan bahawa pemantauan berterusan sedang dijalankan di lokasi-lokasi pendaratan penyu utama seperti Pulau Tioman, Kuala Rompin, Pantai Cherating dan Tanjung Batu Nenasi di Pekan.

Roslan turut menyeru kerjasama komuniti setempat dan pengusaha pelancongan:

"Kita semua bertanggungjawab dalam memelihara kelestarian sumber marin negeri ini. Laporkan segera sebarang aktiviti mencurigakan agar penyu-penyu ini terus selamat dan dapat terus mendarat di perairan kita," katanya.

Jabatan Perikanan Negeri Pahang akan terus komited dalam usaha perlindungan penyu serta menjalankan aktiviti pendidikan dan kesedaran awam secara berterusan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Perikanan Negeri Pahang

29 Julai 2025